

BERITA HARIAN

DATE: 21/08/2007

Abdullah rasmi Wisma Penyayang

Oleh Abdul Halim Yusoff

SERI KEMBANGAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam merasmikan Wisma Penyayang, yang dibangunkan hasil ilham Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood, untuk dijadikan pusat kegiatan Yayasan Budi Penyayang Malaysia (Penyayang).

Bangunan empat tingkat di Taman Equine, Bandar Putra Permai di sini, itu adalah milik Yayasan Budi Penyayang yang juga badan bantuan serta sokongan kepada rakyat yang diasaskan Endon, yang meninggal dunia pada 20 Oktober 2005 akibat kanser.

Berucap pada majlis perasmian bangunan itu, Perdana Menteri berka-

ta, ketika hidupnya, Endon sentiasa ingin membantu golongan yang memerlukan dan mereka yang kurang bernasib baik menerusi pengagihan sumber dana serta pelbagai bantuan lain.

"Saya amat terharu melihat ramai rakan Endon yang masih setia kepadanya sejak dari dulu dan terus memberikan sokongan kepadanya. Walaupun beliau sudah tiada lagi, sayang kepadanya tetap sama seperti dulu," katanya.

Penyayang kini diterajui anak perempuan Abdullah, Nori sebagai pengerusi, manakala anak lelakinya, Datuk Kamaluddin adalah seorang daripada enam pemegang amanahnya.

Abdullah berkata, beliau terharu

kerana usaha Allahyarham isterinya melakukan kerja sukarela dan menabur bakti bagi mengubah kehidupan mereka yang memerlukan, diteruskan oleh rakan serta anaknya.

"Kerja amal yang biasa dibuat Endon dan kini diteruskan rakan serta anak soleh dan solehah seperti Kamal (Kamaluddin) dan Nori adalah amalan mulia yang akan memberi manfaat serta pahala kepada Endon.

"Sebagai anak soleh, amalan boleh memberi manfaat kepada ibu mereka selain berdoa adalah meneruskan kerja amal baik yang biasa dilakukan ibu mereka dulu," katanya.

Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo; Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Nori;

Ketua Eksekutif Penyayang, Datuk Leela Mohd Ali; Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin dan Pengerusi Astro, Datuk Badri Masri.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan Anugerah Datin Seri Endon Mahmood kepada dua pelajar yang mengikuti pengajian Seni Lakon dan Kemanusiaan iaitu Mohamed Hazeman Huzir dan Stephanie Lee Su Ling.

Anugerah itu adalah sebahagian daripada program Anugerah Biasiswa Astro, yang disampaikan kepada 11 pelajar terpilih tahun ini. Ini adalah tahun kedua Anugerah Biasiswa Astro diperkenalkan kepada pelajar terpilih untuk mengikuti pengajian pada peringkat ijazah pertama dan lanjutan di dalam serta luar negara.

BH - 21/8/2007